

26 JUL 1999

Parlimen-Tolak

TIADA BUKTI DR MAHATHIR TERLIBAT DALAM KES PERWAJA

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap kes Perwaja setakat ini menunjukkan tidak ada bukti bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terlibat, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

"Siasatan BPR setakat ini tidak menunjukkan penglibatan Dr Mahathir dalam kes Perwaja," kata Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Ong Tee Keat ketika menolak usul yang dikemukakan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjong).

Lim mengemukakan usul di bawah Peraturan 18(2) Mesyuarat agar persidangan dewan ditangguhkan bagi membincangkan isu kerugian Perwaja ekoran laporan polis oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menurut beliau membuka sudut baru dalam kes itu.

Ong berkata beliau telah mengkaji usul itu dan mendapati bahawa sungguhpun usul itu menyentuh perkara tertentu dan berkepentingan awam namun ia tidak perlu disegerakan.

Beliau berkata laporan polis yang dikatakan dibuat oleh Anwar itu adalah bertarih 21 Julai 1999 iaitu 15 hari lepas dan ia masih terlalu awal bagi badan yang berkenaan untuk mengambil tindakan.

"Saya difahamkan tindakan sewajarnya akan diambil terhadap laporan itu," katanya.

Ong berkata beliau difahamkan bahawa BPR telah membuat siasatan tetapi ia masih belum dapat mengesahkan sama ada pembayaran yang dibuat oleh pengurusan Perwaja menyalahi undang-undang atau sebaliknya.

Beliau berkata BPR sedang berusaha menemurumah beberapa saksi di luar negara di samping cuba menyelesaikan beberapa masalah teknikal.

Lim berkata dalam laporan polis yang dibuat oleh Anwar di Balai Polis Tun H.S. Lee pada 21 Julai lepas, beliau (Anwar) mengimplicasikan penglibatan Dr Mahathir dalam kes Perwaja yang mengalami kerugian terkumpul RM2.986 bilion serta liabiliti RM6.939 bilion pada akhir 1995.

Lim meminta supaya ditubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan Diraja untuk menyiasat kes itu bagi membersihkan nama Perdana Menteri serta bagi menentukan isu itu tidak menjadi satu "jenayah serius tanpa penjenayah".

-- BERNAMA

AKT AKD